



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

JAWATAN KOSONG

KETUA PENOLONG PENGARAH GRED 52 (TERBUKA) PUSAT NANOTEKNOLOGI KEBANGSAAN

Permohonan adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia/ Pegawai Perkhidmatan Awam/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang berkelayakan bagi mengisi jawatan di Pusat Nanoteknologi Kebangsaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi seperti berikut:

1. Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Gred 52 (Terbuka)
(1 Kekosongan)

Kementerian/Jabatan : Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
3. Jadual Gaji Minimum Maksimum : (a) Gred Q52: RM5,844.00 – RM12,441.00
(Lantikan Kontrak)
Kadar kenaikan Gaji Tahunan : RM290.00

(b) Mengikut Gred Hakiki pegawai (Lantikan secara Peminjaman/ Pertukaran Sementara)
4. Elaun dan Kemudahan : Tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang berkuat kuasa.
5. Syarat Lantikan : Warganegara Malaysia

Berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak melebihi umur 58 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Kelayakan masuk:

Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah bidang sains (Fizik/ Kimia/ Biologi) atau Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat tambahan:

- (a) Mempunyai tempoh minimum lima (5) tahun pengalaman dan kemahiran yang tinggi dalam:
 - (i) pengurusan projek penyelidikan dan pembangunan berskala sederhana; dan
 - (ii) pengurusan makmal pengujian, pembangunan dan penyelidikan kebangsaan.
- (b) Telah menerbitkan sekurang-kurangnya lima (5) penerbitan bertaraf Scopus/WoS dan berpengalaman mengetuai mana-mana projek penyelidikan bertaraf nasional atau antarabangsa selaku ketua projek adalah satu kelebihan;
- (c) Memiliki kemahiran komunikasi dan teknikal sains yang baik serta berupaya menerangkan konsep nanoteknologi kepada pelbagai peringkat umur serta kumpulan sasaran;
- (d) Berkebolehan bertutur dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;

6. Bidang Tugas :
- (a) Bertanggungjawab untuk membangunkan Dasar & Strategi Nanoteknologi Negara, Pelan Hala Tuju Produk Nano dan Teknologi serta lain-lain yang berkaitan.
 - (b) Menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti R&D, pembangunan teknologi/ produk nano melalui cadangan *Rolling Plan*, rangkaian makmal nano kebangsaan, dana-dana berkaitan, program kolaborasi institusi-industri serta pemindahan teknologi untuk pengkomersialan.
 - (c) Menilai dan mengenal pasti keperluan industri tempatan dari segi teknologi, produk dan proses baru nanoteknologi untuk meningkatkan daya saing di pasaran global.
 - (d) Menyelaras penyediaan kertas cadangan penyelidikan kerjasama bersama institusi penyelidikan awam/ institusi penyelidikan swasta.
 - (e) Membina jaringan (*network*) antara agensi/ pihak industri di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa dalam bidang penyelidikan dan pembangunan nanoteknologi.
 - (f) Menyelaras dan mengkaji pembangunan kepakaran serta modal insan dalam bidang nanoteknologi.
 - (g) Menyediakan laporan-laporan kemajuan projek dan kertas-kertas teknikal berkaitan projek kepada pihak berkaitan dan berkepentingan.
 - (h) Memberi perkhidmatan nasihat dan bimbingan dalam pelaksanaan projek R&D biayaan Kerajaan/ Kementerian/ Agensi/ Industri.

- (i) Menyediakan Memorandum Jemaah Menteri dan *Outcome Based Budgeting* (OBB) bagi urusan berkaitan dengan bidang pembangunan nanoteknologi dan produk nano yang berkaitan.
 - (j) Menyelaras jawapan Parlimen Bahagian yang berkaitan dengan pembangunan nanoteknologi dan produk nano.
7. Lokasi kekosongan : Pusat Nanoteknologi Kebangsaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
8. Tarikh tutup permohonan : **14 Februari 2024**

CARA MEMOHON:

9. Calon yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut:
- (a) Borang Permohonan Jawatan;
 - (b) *Curriculum Vitae*;
 - (c) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - (d) Salinan Sijil Ijazah Sarjana/ PhD.
10. Calon yang terdiri daripada pegawai dalam Perkhidmatan Awam/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut:
- (a) Borang Permohonan Jawatan dan **Lampiran A**;
 - (b) *Curriculum Vitae*;
 - (c) Deskripsi Tugas jawatan semasa; dan
 - (d) Salinan Ijazah Sarjana/ PhD.

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui e-mel psm_perkhidmatan@mosti.gov.my.

TEMU DUGA

Hanya pemohon yang melepasi syarat yang ditetapkan akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

KEPUTUSAN TEMU DUGA: 14 hari bekerja dari tarikh akhir temu duga.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai berikut:

Puan Muznita binti Mahmood / muznita@mosti.gov.my
03-8885 8045

Puan Nur Amalina binti Othman / nur.amalina@mosti.gov.my
03-8885 8134

TARIKH IKLAN DISIARKAN: 7 Februari 2024